

Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri JIMK
Journal of Islam and Contemporary Society

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[AL-TABARI'S CHARACTER IN THE KNOWLEDGE OF QIRAAAT AND HIS VIEW OF AL-AHRUF AL-SAB'AH]

KETOKOHAN AL-TABARI DALAM ILMU QIRAAAT DAN PANDANGAN BELIAU TERHADAP AL-AHRUF AL-SAB'AH

NOR HAFIZI YUSOF^{1*}
ALIYU HIZBULLAH AL-HASSAN¹
MOHD A'TARAHIM MOHD RAZALI¹
ABDILLAH HISYAM ABD WAHAB¹
MOHD FAIZ HAKIMI MAT IDRIS¹

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak, Terengganu

*Corresponding author: nhafizi@unisza.edu.my

Received Date: 7 November 2015 • Accepted Date: 28 April 2015

Abstract

Imam al-Tabari's expertise in the science of qiraat can be seen in some of his views on the issues of qiraat and his style of debate on the error of qiraat in his interpretation of Jami 'al-Bayan' an Ta'wil Ay al-Qur'an. The debate of qiraat scholars on al-ahruf al-Sab'ah has been done by several scholars through the books of Ulum al-Quran and Ilmu Qiraat. However, when listing the opinions of these figures, al-Tabari's views were not discussed in depth while he had great character as al-Qurra 'as well as being famous as an al-Mufassir. Therefore, this study aims to investigate the relationship between Imam al-Tabari and the science of qiraat and the science of tafsir al-Qur'an. It also aims to study al-Tabari's expertise in the science of qiraat as well as analyze his views on the main issue in the science of qiraat which the meaning of al-Ahruf is al-Sab'ah. This information is collected and analyzed by discussing al-Tabari's views in this qiraat knowledge debate, then making a conclusion and conclusion on his views. All data were analyzed using inductive and deductive methods. The results of the study show that al-Tabari's expertise in the science of qiraat cannot be denied by anyone. However, his view in the chapter of al-Ahruf al-Sab'ah is seen to contradict the view of the majority of scholars by saying that the reading error among the qurra 'does not exclude the writing of Mushaf 'Uthmani based on only one letter from al-Ahruf al-Sab'ah. While the remaining six letters have been dropped and it is not obligatory to do good deeds with it based on the ijma 'of the companions on the writing of the 'Uthmani mushaf.

Keywords: al-Tabari, al-Ahruf al-Sab'ah, Qiraat, Ketokohan.

Abstrak

Kepakaran Imam al-Tabari dalam ilmu qiraat dapat dilihat pada beberapa pandangan beliau terhadap isu-isu qiraat dan gaya perbahasan beliau terhadap khilaf qiraat dalam tafsirnya *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qur'an*. Perbahasan ulama qiraat tentang al-ahruf al-Sab'ah telah dilakukan oleh beberapa pengkaji melalui kitab-kitab Ulum al-Quran dan Ilmu Qiraat. Namun ketika menyenaraikan pendapat-pendapat tokoh-tokoh tersebut pandangan al-Tabari tidak dibahaskan secara mendalam sedangkan beliau mempunyai ketokohan yang hebat sebagai al-Qurra' di samping masyhur sebagai seorang al-Mufassir. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menyelidiki perkaitan di antara Imam al-Tabari dengan ilmu qiraat dan ilmu tafsir al-Qur'an. Ia juga bertujuan mengkaji kepakaran al-Tabari dalam ilmu qiraat serta menganalisis pandangan beliau terhadap isu pokok dalam ilmu qiraat iaitu maksud *al-Ahruf al-Sab'ah*. Maklumat ini dikumpul dan dianalisis dengan membahaskan pandangan al-Tabari dalam perbahasan ilmu qiraat ini, seterusnya membuat satu rumusan dan kesimpulan terhadap pandangan beliau. Kesemua data dianalisis menggunakan metode induktif dan deduktif. Hasil kajian menunjukkan bahawa kepakaran al-Tabari dalam ilmu qiraat tidak dapat dinafikan oleh sesiapa. Namun pandangan beliau dalam bab *al-Ahruf al-Sab'ah* dilihat menyalahi pandangan majoriti ulama dengan mengatakan bahawa khilaf bacaan di kalangan qurra' tidak terkeluar dari penulisan Mushaf 'Uthmani berdasarkan satu huruf sahaja daripada al-Ahruf al-Sab'ah. Manakala baki enam huruf lagi telah digugurkan dan tidak diwajibkan beramal dengannya berdasarkan ijma' para sahabat terhadap penulisan mushaf 'Uthmani.

Kata kunci: al-Tabari, al-Ahruf al-Sab'ah, Ilmu Qiraat, Ketokohan.

Cite as: Norhafizi Yusof, Aliyu Hizbulah al-Hassan, Mohd A'Tarahim Mohd Razali, Abdillah Hisham Abd Wahab & Mohd Faiz Hakimi Mat Idris. 2015. Ketokohan al-Tabari dalam Ilmu Qiraat dan Pandangan terhadap al-Ahruf al-Sab'ah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 10(1):63-72.

PENGENALAN

Imam al-Tabari atau nama penuhnya Muhammad bin Jarir bin Yazid bin Kathir bin Ghalib, Abu Ja'far al-Tabari (Shams al-Din Ahmad bin Muhammad, t.th) tidak asing lagi dalam dunia Islam sebagai seorang Imam dan ulama besar sehingga mencapai tahap sebagai mujtahid mutlak. Beliau dilahirkan di tempat bernama Amal sebuah Bandar yang terbesar di Tabaristan, (Shihab al-Din Abi Abd Allah Yaqut bin Abd Allah al-Hamawi, t.th) pada akhir tahun 224H1 atau awal 225H. Beliau juga masyhur di kalangan cendekiawan Islam melalui karangan-karangan beliau yang sangat hebat serta tinggi kedudukannya dalam disiplin ilmu Islam. Antaranya kitab tafsir beliau yang berjudul *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qur'an* yang dianggap sebagai *Ummahat al-Kutub* dalam pengajian ilmu-ilmu Islam. Ia banyak membincangkan isu-isu berkaitan qiraat serta memasukkan perbahasan khilaf qiraat ke dalam pentafsirannya.

KETOKOHAN AL-TABARI DAN SUMBANGANNYA DALAM BIDANG LMU

Ketokohan Imam al-Tabari dalam penguasaan bidang ilmu telah diiktiraf oleh kebanyakan ulama Islam terdahulu mahupun sekarang. Bahkan para ulama Islam telah merakamkan pelbagai pengiktirafan dan pujiannya sesuai dengan kedudukan beliau melalui karangan-karangan dan bayt-bayt syair mereka. Imam Yaqt dalam kitabnya telah menyifatkan Imam al-Tabari seperti berikut (Abi Bakr Ahmad bin Ali, 2001):

Beliau merupakan salah seorang ulama besar yang diambil kata-katanya sebagai fatwa, dirujuk pandangannya lantaran keluasan ilmu dan kelebihannya. Padanya terkumpul segala bidang ilmu di mana keadaan tersebut tidak terdapat pada seorang lain pun pada zamannya. Beliau menghafaz dan mengetahui makna-makna al-Qur'an, faqih tentang hukum-hukumnya dan mengetahui ilmu Sunnah, perkataan sahabah dan tabi'in serta golongan selepas mereka yang berbeza dalam penetapan hukum. Beliau juga seorang yang alim dalam permasalahan halal-haram serta sejarah dan peradaban manusia...)

Beliau juga pakar dalam bidang-bidang yang lain seperti *al-Nahw*, *al-Lughah*, *al-'Arud* serta *al-Qira'at*. Perkara ini terbukti melalui hasil karangan kitab-kitab serta pengiktirafan para ulama terhadap beliau. Sebagai contoh Abu Ali Hasan bin Ali al-Ahwazi al-Muqr'i yang telah meriwayatkan sebelas qiraat dalam kitabnya *al-Iqna'*, menyifatkan Imam al-Tabari sebagai berikut (al-Hamawi, 1993): Adalah Abu Ja'far Tabari mengetahui ilmu al-Fiqh, al-Hadis, al-Tafsir, *al-Nahw*, *al-Lughah* dan *al-'Arud*. Beliau mempunyai karangan yang hebat bagi setiap bidang ilmu tersebut. Beliau mempunyai kitab yang besar di dalam ilmu qiraat yang mana aku telah melihatnya sebanyak 18 jilid tetapi dalam tulisan yang besar. Dibincangkan di dalamnya keseluruhan qiraat yang mashhur, shadh berserta sebab dan keterangannya. Seterusnya dipilih (sebagai bacaan) di antaranya qiraat yang tidak terkeluar daripada qiraat yang mashhur.

Di samping itu beliau juga mengarang banyak kitab di dalam pelbagai bidang ilmu yang menjadi rujukan para ulama dahulu mahupun sekarang antaranya ialah, (al-Hamawi, 1993) *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayi al-Qur'an*, *Al-Qira'at wa Tanzil al-Qur'an*, *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk* dan *Tarikh al-Umam wa al-Muluk*, *Zayl al-Muzil*⁴, *Ikhtilaf al-Fuqaha' fi Kathirin min al-Ahkam al-Shar'iyyah* dan *Latif al-Qawl fi Ahkam Shara'I al-Islam*, *Tahzin al-Athar wa Tafsil al-Thabit 'an Rasulullah SAW min al-Akhbar*, *Basit al-Qawl fi Ahkam Shar'i al-Islam*, *Adab al-Qudah*, *Adab Al-Nufus al-Jayyidah wa al-Akhlaq al-Nafisah*, *Al-Musnad al-Mujarrad*, *Al-Radd ala-Zi al-Asfar*, *Fada'il Ali bin Abi Talib*, *Fada'il Abi Bakr wa Umar* dan *Fada'il al-'Abba*, *Ibarah al-Ru'ya*, *Mukhtasar Manasik al-Haj* dan *Mukhtasar al-Faraaid*, *Al-Mujiz fi al-Usul*, *Al-'Adad wa al-Tanzil*, *Ikhtiyar min Aqawil al-Fuqaha'* dan lain-lain.

Khazanah kitab yang banyak peninggalan al-Tabari menunjukkan kehebatan pemikiran beliau dan kekayaan warisan ilmiah bangsa Arab sejak ratusan tahun dahulu. Bahkan sehingga sekarang apabila membicarakan tentang ilmu Tafsir, Sirah, Fiqh Nahw dan sebagainya pasti nama dan kitab beliau akan menjadi rujukan utama sebagai sumber yang dipercayai lagi tinggi nilainya.

KEPAKARAN AL-TABARI DALAM ILMU QIRAAT

Berdasarkan pengiktirafan para ulama terhadap keilmuan al-Tabari serta banyaknya hasil nukilan beliau yang menjadi rujukan para sarjana, dapatlah disimpulkan bahawa Imam al-

Tabari merupakan salah seorang tokoh Ilmuwan Islam yang berjaya menguasai dan terkenal dalam pelbagai lapangan ilmu.

Di antara kehebatan beliau dalam penguasaan ilmu ialah keindahan bacaan al-Qur'an serta kepakarannya dalam ilmu qiraat. Hal ini terbukti apabila Abu Bakr Ibn Mujahid pengarang kitab al-Qira'at al-Sab' telah memuji bacaan beliau dengan katanya: "Aku tidak pernah mendengar seseorang di mihrab yang lebih baik bacaannya daripada Abi Ja'far" (al-Hamawi, 1993). Dalam periwatan yang lain al-Khatib al-Baghdadi telah meriwayatkan daripada Abu Qasim al-Azhari daripada Abu Hassan bin Rizqawayh daripada Abi Ali al-Tumari katanya (al-Khatib al-Baghdadi, 2001): "Aku telah membawa pelita menuju ke masjid untuk solat tarawih bersama Abu Bakr Ibn Mujahid. Pada suatu malam daripada sepuluh terakhir Ramadhan beliau telah keluar bersamaku dari rumahnya melewati masjid dan tidak memasukinya dan berjalan hingga akhir pasar 'Atash, lantas beliau berhenti di depan pintu Masjid Muhammad bin Jarir dan ketika itu beliau (Ibn Jarir) membaca surah al-Rahman, lantas beliau mendengar bacaannya untuk tempoh masa yang lama, setelah beliau beredar aku bertanya beliau: Wahai ustaz kenapa engkau meninggalkan orang ramai menunggu kamu di masjid dan datang mendengar bacaan ini? Maka beliau menjawab, wahai Abu Ali biarkanlah perkara itu. Sesungguhnya aku tidak merasakan bahawa Allah SWT akan menjadikan seseorang yang membaca qiraat lebih baik dari (lelaki) ini."

Pengiktirafan Ibn Mujahid yang terkenal sebagai Qurra', dan pakar qiraat pada kurun ke 4 Hijrah terhadap al-Tabari ini sudah cukup untuk menggambarkan kehebatan beliau dalam menguasai ilmu qiraat. Karangan beliau dalam bidang qiraat juga telah diiktiraf ketinggian nilainya di sisi ilmuwan Islam. Antara karangan beliau yang paling memberi kesan dalam bidang qiraat ialah:

i. Kitab al-Qira'at wa Tanzil al-Qur'an.

Kitab ini mengumpulkan qiraat yang mashhur dan shadh serta penerangan setiap satunya berserta dengan alasan bagi setiap hukumnya (mashhur atau shadh) serta dipilih antara qiraat tersebut bacaan yang menjadi pilihan beliau yang tidak terkeluar dari qiraat mashhur (al-Khatib al-Baghdadi, 2001).

ii. al-Fasl bayna al-Qira'at.

Kitab ini secara umumnya membincarakan tentang ikhtilaf para qurra' tentang huruf al-Qur'an dengan menyandarkan setiap bacaan kepada qurra' Makkah, Madinah, Kufah, Basrah, Sham dan sebagainya. Beliau telah membezakan setiap qiraat dengan menyebut wajh, maksud serta dalil setiap pilihan wajah tersebut berdasarkan kekuatannya terhadap tafsir dan I'rab (al-Hamawi, 1993).

iii. Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qur'an

Perbahasan beliau tentang qiraat dalam tafsir ini sangat konsisten berbanding kitab-kitab tafsir yang lain. Namun pendekatan al-Tarjih antara qiraat mutawatir yang digunakan beliau telah ditolak oleh kebanyakan ulama bidang ini.

Al-Tabari meriwayatkan ilmu qiraat daripada beberapa orang Qurra'. Pada peringkat permulaan beliau membaca al-Qur'an dengan qiraat Hamzah sehingga beliau memilih bacaannya sendiri. Beliau menerima periwatan Hamzah melalui dua tariq iaitu (al-Hamawi, 1993):

- i. Tariq Sulayman bin Abd al-Rahman bin Hammad al-Talhi daripada Khallad daripada Salim bin Isa daripada Hamzah.
- ii. Tariq Yunus bin Abd al-A'la daripada Ali bin Kisah daripada Salim bin Isa daripada Hamzah.

Walaupun beliau mempunyai riwayat bacaannya yang tersendiri namun didapati periyatannya tidak banyak dan tidak sampai kepada kita sekarang. Antara perawi qiraat beliau ialah Abu Hassan al-Juba'i dan Shaykh al-Sifr seorang qari di Baghdad yang meriwayatkan bacaan beliau daripada Abd al-Hamid bin Bakr daripada Ibn Amir. Perkara ini berlaku kerana kewarkan al-Tabari yang telah berpesan kepada muridnya (sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Ali Hasan bin Abu Ali al-Ahwazi) supaya tidak menasabkan bacaan qiraat kepada beliau ketika beliau masih hidup. Justeru tiada seorang pun yang meriwayatkan daripadanya ketika beliau hidup kecuali tiga orang selepas kematiannya termasuk Abu Ali Hasan al-Ahwazi (al-Hamawi, 1993).

Sebagai manusia biasa al-Tabari tidak dapat lari dari kesalahan dan kekurangan. Walaupun penguasaan ilmu qiraatnya mendapat pengiktirafan ramai ilmuan Islam namun beberapa periyatannya terdapat beberapa kesalahan. Perkara ini telah dinyatakan oleh Ibn Mujahid sebagaimana berikut ketika memuji kitab qiraat al-Tabari: "...kecuali aku menemui padanya beberapa kesalahan dan beliau telah menyebutkannya kepadaku, dan aku berasa sangat takjub dengan keadaan itu sedangkan beliau telah menguasai qiraat Hamzah dengan baik. Seterusnya beliau berkata sebab berlaku kesalahan tersebut ialah berpunca daripada Abu Ubayd bin Qasim bin Salam (kerana periwatan al-Tabari dalam kitabnya kebanyakannya diambil dari beliau). Abu Ubayd telah terlupa wajah tersebut dan al-Tabari telah meriwayatkannya daripada beliau."

Begitu juga pendekatan qiraat beliau dalam tafsirnya yang mendapat komentar oleh beberapa ulama Islam terdahulu dan terkemudian.

PANDANGAN AL-TABARI DALAM ISU AL-QUR'AN DAN QIRAAT

Ta'rif al-Qur'an

Para ulama telah berselisih pendapat tentang kalimah al-Qur'an dari sudut kalimah ishtiqaq (pecahan) atau tidak, mempunyai al-Hamzah atau tanpa al-Hamzah, dan sama ada ia merupakan kata terbitan (masdar) atau kata kerja (sifat). Kalimah al-Qur'an boleh dibaca dengan dua wajah:

- i. Bacaan takhfif (ringan) dengan membuang al-Hamzah (Quran) iaitu bagi qiraat Ibn Kathir yang diriwayatkan oleh Imam al-Shafi'i

ii. Bacaan menetapkan Hamzah (Qur'an) bagi qiraat selain Ibn Kathir

Pendapat pertama mengatakan bahawa al-Qur'an diambil daripada kalimah القراءة (al-Qar'u) yang memberi maksud mengumpul, menghimpun dan menyusun (Mujamma' al-Lughah al-Arabiyyah, 2004). Antara ulama yang berpendapat begini ialah Abu Ubaydah Ma'mar bin al-Muthanna (m.210H). Manakala pendapat kedua pula ialah al-Qur'an berasal dari kalimah Qira'ah yang memberi maksud tilawah atau bacaan. Ia juga merupakan masdar (kata terbitan bagi wazan (فعلان)). Ini merupakan pendapat bagi Ibn Jarir al-Tabari. Pendapat ini dinukilkan menerusi tafsir beliau dengan kata-katanya:

Penafsirannya (al-Qur'an) yang sebenar ialah diambil daripada al-Tilawah dan al-Qira'ah dan ia merupakan kata terbitan daripada kata-kata seperti kamu mengatakan (قرأت) dan (غفرت لك) dari (الخسران) berasal dari (غفرت) dan (كفرت لك) dari (الكفران) dan (فرق الله بين الحق والباطل) dari (فرق الله بين الحق والباطل) (al Tabari, 2003).

Al-Tabari juga mendatangkan ayat al-Qur'an yang secara jelas menerangkan serta menguatkan hujah beliau iaitu:

إِنَّ عَلَيْنَا جَمِيعُهُ وَقُرْءَانُهُ وَفَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَاتَّبِعْ قُرْءَانَهُ وَ^{١٨}

Maksudnya: Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan al-Qur'an itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu). Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu. (al-Qur'an, al-Qiyamah 75: 7-18)

Al-Ahruf al-Sab'ah

Hadis yang menyatakan tentang al-Ahruf al-Sab'ah telah diriwayatkan melalui periyawatan yang sahih dan jalan yang banyak serta melibatkan sebilangan besar para Sahabat. Antara hadis yang masyhur ialah sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Hafiz Abu Ya'la daripada Saidina Uthman bahawa suatu hari ketika berada di atas mimbar beliau berkata: Aku teringat seorang lelaki mendengar Nabi SAW bersabda:

أَنْزَلَ الْقُرْآنَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ كُلُّهَا شَافٌ وَكَانَ

Maksudnya: Sesungguhnya al-Qur'an diturunkan atas tujuh huruf semuanya menyembuhkan dan mencukupi.

Setelah Nabi SAW bangun semua sahabat bangun sehingga bilangan mereka tidak terhitung, dan mereka menyaksikan sabdaan Rasulullah SAW tersebut. Saidina Uthman berkata, dan aku menyaksikannya bersama mereka (Abi Ya'la Ahmad bin Ali bin Muthanna al-Mawsali, 1998).

Perbahasan tentang al-Ahruf al-Sab'ah telah berlaku semenjak zaman dahulu lagi dan telah berlaku perselisihan yang banyak tentangnya. Menurut Ibn Hibban sebagaimana yang

dinaqalkan oleh Imam al-Suyuti di dalam kitabnya *al-Ithqan fi ‘Ulum al-Qur’an* perselisihan tersebut berlaku sehingga mencapai 35 pendapat. Hal ini berlaku kerana hadis yang menyebut tentang al-Ahruf al-Sab’ah merupakan hadis yang mushkil dan mutashabih iaitu yang tidak diketahui maksud atau takwilnya yang sebenar. Perkataan huruf sendiri juga menepati beberapa maksud seperti lughah (bahasa), kalimah, (perkataan) makna (maksud) dan jihah (wajah/cara) (Muhammad bin Muhammad Abu Shahbah, 1992).

Dalam permasalahan ini Imam al-Tabari telah berpendapat bahawa yang dimaksudkan dengan tujuh huruf tersebut ialah tujuh lughah (bahasa atau lajhah) yang lahir dari qabilah-qabilah Arab yang berlainan bahasa percakapannya (al-Tabari, 2003). Ia juga bermaksud tujuh wajah bacaan dengan makna yang sama tetapi lafaz yang berbeza seperti) / عَجْلٌ / هَلْمٌ / تَعَالٌ – (Jalal al-Din al-Suyuti, 2008). Beliau berhujah berdasarkan periwayatan hadis tentang al-Ahruf al-Sab’ah sebagaimana yang diriwayatkan daripada Umar, Ibn Mas’ud, Ubay bin Ka’b dan lain-lainnya bahawa mereka telah berselisih tentang bacaan (qiraat) al-Qur’an tanpa mempertikaikan maksudnya, dan mereka meminta hukum dari Nabi SAW. Setelah Rasulullah SAW meminta mereka semua membacanya maka baginda pun memberi kesemua bacaan mereka yang khilaf itu sehingga menimbulkan keraguan para sahabat. Maka Rasulullah SAW bersabda kepada sahabat yang ragu-ragu: “Sesungguhnya Allah SWT menyuruh aku membaca al-Qur’an dengan tujuh huruf” (al-Tabari, 2003)

Al-Tabari juga menolak pandangan yang mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan tujuh huruf ialah suruhan, larangan, galakan, ancaman, perbahasan, cerita, perbandingan dan sebagainya dengan berhujah kepada hadis berikut: Telah menceritakan kepada kami oleh Abu Kurayb daripada Ibn Fudayl daripada Ismail bin Abi Khalid dengan sanadnya sehingga Rasulullah SAW bahawa baginda telah bersabda (al-Tabari, 2003) :

اعيذك بالله من الشك والتکذيب ، وقال أيضاً: إن الله أمرني أن أقرأ القرآن على حرف فقلت اللهم رب خف عن أمتي . فقال أقرأه على حرفين . فأمرني أن أقرأه على سبعة أحرف من سبعة أبواب الجنة كلها شاف وكان .

Maksudnya: Aku meminta perlindungan Allah SWT terhadapmu daripada keraguan dan penipuan dan baginda bersabda lagi: Sesungguhnya Allah SWT menyuruhku supaya (al-Qur’an) dengan satu huruf, maka aku berkata: Ya Allah ya tuhanku berilah keringanan terhadap umatku. Maka firman Allah SWT: Bacalah dengan dua huruf. Maka Allah SWT menyuruhku membaca dengan tujuh huruf dari tujuh pintu syurga kesemuanya merupakan penyembuh dan mencukupi.

Al-Tabari berpendapat maksud al-Ahruf al-Sab’ah dalam hadis tersebut ialah tujuh lughah atau lajhah manakala tujuh pintu syurga itulah yang dimaksudkan dengan suruhan, larangan, galakan, ancaman, perbahasan, cerita dan perumpamaan dan sebagainya. Hujah ini dikuatkan dengan hadis Rasulullah SAW (al-Tabari, 2003):

اعيذ بالله من الشك والتکذيب . وقال أيضاً : إن الله أمرني أن أقرأ القرآن على حرف فقلت اللهم رب خف عن أمتي . فقال أقرأه على حرفين . فأمرني أن أقرأه على سبعة أحرف من أبواب الجنة كلها شاف وكان .

Maksudnya: Aku meminta perlindungan Allah SWT terhadapmu daripada keraguan dan penipuan dan baginda bersabda lagi: Sesungguhnya Allah SWT menyuruhku supaya (al-Qur'an) dengan satu huruf, maka aku berkata: Ya Allah ya tuhanku berilah keringanan terhadap umatku. Maka firman Allah SWT: Bacalah dengan dua huruf. Maka Allah SWT menyuruhku membaca dengan tujuh huruf dari tujuh pintu syurga kesemuanya merupakan penyembuh dan mencukupi.

Al-Tabari berpendapat maksud al-Ahruf al-Sab'ah dalam hadis tersebut ialah tujuh lughah atau lajhah manakala tujuh pintu syurga itulah yang dimaksudkan dengan suruhan, larangan, galakan, ancaman, perbahasan, cerita dan perumpamaan dan sebagainya. Hujah ini dikuatkan dengan hadis Rasulullah SAW (al-Tabari, 2003):

إن الكتب كانت تنذر من السماء من باب واحد ، وإن القراءن أنزل من سبعة أبواب على سبعة أحرف : حلال وحرام ومحكم
و متشابه واعتبر أمثاله فإن كلا من عند الله ءاماها به كل من عند ربنا وما يذكر إلا أولو الأباب .

Maksudnya: Diriwayatkan daripada Ibn Mas'ud daripada Nabi SAW bersabda: Adalah kitab terdahulu turun dari pintu yang satu dan di atas huruf yang satu manakala al-Qur'an turun melalui tujuh pintu dan tujuh huruf iaitu cegahan, suruhan, halal, haram, muhkam, mutasyabih dan perumpamaan. Maka halalkanlah apa yang dihalalkan Allah SWT dan haramkanlah apa yang diharamkan Allah. Laksanakanlah apa yang aku perintahkan dan berhentilah apa yang dilarang dan ambillah pengajaran daripada perumpamaannya, beramallah dengan hukumnya dan berimanlah dengan ayat yang mutashabih dan katakanlah: Aku beriman dengannya semuanya dari tuhan kami.

Sekiranya al-Ahruf al-Sab'ah tersebut bermaksud halal, haram, janji baik, janji buruk, dan seumpamanya maka mustahil Rasulullah SAW membenarkan kesemuanya. Hal ini kerana telah terbukti kepada kita bahawa Allah SWT tidak menurunkan kitabNya ke atas lisan Muhammad SAW kecuali dengan satu hukum yang menepati (sama) ke atas makhluknya tidak dengan hukum-hukum yang berbagai (bertentangan antara satu sama lain)

Beliau juga mengaitkan perintah Rasulullah SAW yang menyuruh para sahabat supaya tetap dengan bacaan masing (yang khilaf) dengan bukti bahawa khilaf tersebut hanya dari segi lughah sahaja tanpa melibatkan makna. Sekiranya melibatkan makna maka hadis al-Ahruf al-Sab'ah tersebut memberi maksud al-Qur'an diturunkan berdasarkan tujuh wajah bacaan yang berlainan dan tujuh makna yang bertentangan maka perkara ini seolah-olah telah menetapkan penafian Allah SWT bahawa kitabnya tiada maksud yang bertentangan dan menafikan penetapan Allah bahawa setiap maksud al-Qur'an adalah saling membenarkan. Begitu juga Rasulullah SAW tidak memutuskan sesuatu hukum yang bertentangan dalam satu masa terhadap umatnya (al-Tabari, 2003).

Pendapat ini telah dipertahankan dengan panjang lebar oleh al-Tabari di dalam Mukaddimah tafsirnya dan ia juga merupakan pendapat kebanyakan ulama salaf seperti Sufyan bin 'Uyaynah, al-Tahawi, Ibn Wahb, al-Qurtubi, Ibn Abd al-Bar dan juga ulama terkemudian seperti Shaykh Muhammad Abu Shahbah (Muhammad bin Muhammad Abu Shahbah, 1992). Pendapat ini juga selari dengan pandangan Muhammad Salim Muhaysin yang menyatakan bahawa al-Qur'an diturunkan dengan bahasa bagi setiap bangsa daripada bangsa-bangsa Arab (Dr. Muhammad Salim Muhaysin, 1997).

Perbahasan tentang al-Ahruf al-Sab'ah telah menimbulkan persoalan sama ada wajah qiraat yang dibaca sekarang ini merangkumi kesemua al-Ahruf al-Sab'ah atau sebaliknya. Menurut al-Tabari khilaf bacaan di kalangan qurra' tidak terkeluar dari penulisan Mushaf Uthmani berdasarkan satu huruf sahaja daripada al-Ahruf al-Sab'ah. Manakala baki enam huruf lagi telah digugurkan dan tidak diwajibkan beramal dengannya berdasarkan ijma' para sahabat terhadap penulisan mashaf Uthmani (Makki bin Abi Talib, t.th). Pendapat ini agak bertentangan dengan majoriti ulama qiraat yang lain. Justeru pendapat beliau ini telah ditolak oleh beberapa Imam seperti Makki bin Abi Talib dalam kitabnya al-Ibanah dengan menyifatkannya sebagai jauh dari kebenaran. Hal ini kerana menurut Makki bin Abi Talib (t.th) khilaf qiraat yang dibaca sekarang dan sah periyatanya dari para imam merupakan sebahagian daripada al-Ahruf al-Sab'ah yang diturunkan sebagai al-Qur'an. Beliau juga membawakan pendapat kedua al-Tabari yang disifatkan bertentangan dengan pendapat pertamanya iaitu: Setiap qiraat yang jelas diajar oleh Rasulullah SAW kepada umatnya termasuk dalam al-Ahruf al-Sab'ah yang diizinkan oleh Allah SWT untuk membacanya dan kita tidak boleh menyalahkan pembacanya sekiranya ia menepati tulisan Mushaf Uthmani. Sekiranya menyalahi Rasm Mushaf Uthmani maka kami tidak membacanya dan kami bertawaqquf dari berkata-kata mengenainya.

KESIMPULAN

Perbahasan ulama tentang maksud al-Ahruf al-Sab'ah sangat masyhur dalam bidang Ulum al-Quran dan Qiraat. Sebahagian mereka mentakrifkannya berdasarkan pembahagian lughah atau bahasa qabilah-qabilah Arab sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-A'mash (Sya'ban Muhammad Ismail, 1999) dan dipegang oleh Imam al-Tabari. Walaupun pendapat beliau menepati beberapa ulama lain tentang al-Ahruf al-Sab'ah dari segi bahasa namun ianya agak ganjal apabila menyatakan bahawa penulisan Rasm Uthmani hanya berdasarkan satu huruf sahaja daripada al-Ahruf al-Sab'ah dan baki enam huruf lagi adalah digugurkan dan tidak wajar beramal dengannya. Pendapat yang paling masyhur berkenaan al-Ahruf al-Sab'ah ialah pendapat Imam Fakhruddin al-Razi yang melibatkan tujuh khilaf pokok iaitu, bilangan dan penentuan muzakkir atau muannas, wajah I'rab, tasrif, takdim dan ta'khir, ibdal, penambahan dan pengurangan dan yang terakhirnya dari segi lajhah. Pendapat ini dianggap lebih tepat kerana hampir dengan pendapat Imam Ibn al-Jazari dan juga merupakan pendapat Ibn Qutaybah, Qadi Abu Tayyib serta dikuatkan dengan ulama muta'akhirin seperti Syeikh Muhammad Bakhit al-Muti'i dan Syeikh Muhammad Abd al-Azim al-Zarqani (Sya'ban Muhammad Ismail, 1999).

RUJUKAN

- al-Quran al-Karim
- Abd al-Fattah bin Abd al-Ghani al-Qadi. (1965). *Tarikh Mushaf al-Sharif*. Qahirah: Maktabah al-Mashhad al-Husayni.
- Abd al-Rahman al-Jaml. (T.th). *Manhaj al-Imam al-Tabari fi al-Qira'at*. Tesis Sarjana. Jami'ah al-Urduniyyah.
- al-Khatib al-Baghdadi, Abu Bakr Ahmad bin Ali. (2001). *Tarikh Baghdad*. Tah. Dr. Bisyar 'Awwad. Bayrut: Dar al-Gharab al-Islami.

- Ahmad Sunawari Long. (2009). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Hayyan, Muhammad bin Yusuf. (1993). *al-Bahr al-Muhit*. Bayrut: Dar al-Kutb al-'Ilmiyyah.
- al-'Asqalani, Ahmad bin Ali bin Hajar.(2002). *Lisan al-Mizan*. Riyad: al-Maktabah al-Matbu'ah al-Islamiyyah.
- Akram Muhammad Ziyadah . (2001). *Mu'jam Shuyukh al-Tabari*. Misr: Dar Ibn Affan.
- Akram Muhammad Ziyadah. (2001). *al-Mu'jam al-Saghir li Ruwat al-Imam Ibn Jarir al-Tabari*. Misr: Dar Ibn Affan.
- al-'Asqalani, Ahmad bin Ali bin Muhammad. (1996). *Fath al-Bari*. Tah. Zayn al-Din Abi al-Farj Ibn Rajb. Qahirah: Maktabah Tahqiq Dar al-Haramayn.
- al-Banna', Ahmad bin Muhammad, (1987). *Ithaf Fudala' al-Bashr*. Bayrut: Alim al-Kutb.
- al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (1400H). *al-Jami' al-Sahih*. Qahirah: Matba'ah al-Salafiyyah.
- al-Dani, Abu Amr Uthman. (1996). *al-Taysir fi al-Qira'at al-Sab'i*. Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Dawudi, Shams al-Din Muhammad bin 'Ali. (1983M/1403H). *Tabaqat al-Mufassirin*. Cet. 2. Bayrut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.
- al-Hamawi, Shihabuddin Abi Abd Allah Yakut bin Abd Allah.(1993). *Mu'jam al-Udaba'*. Bayrut: Dar al-Sadir.
- al-Hamawi, (1993). *Wafayat al-A'yan wa Anba' Abna' al-Zaman*. Bayrut: Dar al-Sadir.
- al-Hamawi, (T.th). *Mu'jam al-Buldan*. Bayrut: Dar al-Sadir.
- al-Mawsali, Abi Ya'la Ahmad bin Ali bin Muthanna. (1998M/1418H). *Musnad Abi Ya'la al-Mawsali*, jil. 4. Dar al-Kutb al-'Ilmiyyah, Bayrut.
- Ibn al-Jazari, Shams al-Din Muhammad bin Muhammad. (1980). *Munjid al-Mugri'in wa Murshid al-Talibin*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Jazari, Shams al-Din Muhammad bin Muhammad. (1992). *Sharh Tayyibah al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr*. Tah. Ali Muhammad al-Diba'. Qahirah: al-Idarah al-'Amah li al-Ma'ahid al-Azhariyyah.
- Ibn Khallikan, Sham al-Din Ahmad bin Muhammad. (T.th). *Wafayat al-A'yan Wa Anba' Abna' al-Zaman*. Tah. Dr. Ihsan Abbas. Bayrut: Dar Sadir
- Mahmud Ibn al-Syarif. (1984). *Ibn Jarir al-Tabari wa Manhajuh fi al-Tafsir*. Jeddah: 'Ukaz li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Mahmud Muhammad Shabkah. (1976). Muhammad Jarir al-Tabari wa Manhajuh fi al-Tafsir. Tesis Ph.D. Jami'ah al-Azhar.
- Muhammad bin Muhammad Abu Shahbah. (1992). *al-Madkhal li Dirasah al-Qur'an al-Karim*. Cet 1. Qahirah: Maktabah al-Sunnah
- Muhammad Salim al-Muhaysin. (1997). al-Hadi. Bayrut: Dar al-Jayl
- al-Munazzamah al-Islamiyyah li al-Tarbiyyah wa al-'Ulum wa al-Thiqafah. (1989). *Zahirah Naqd al-Qira'at wa Manhaj al-Tabari fiha*. Nashr al-Munazzamah al-Islamiyyah li al-Tarbiyyah wa al-'Ulum wa al-Thiqafah.
- al-Tabari, Muhammad bin Jarir. 2003. *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qur'an*. Tah. Abd Allah bin Abd al-Muhsin al-Turki. Misr: Dar Hadr.